

## PERIBAHASA

Isi tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah dengan jawapan yang **paling sesuai**.

- 1 Nenek Sunarti tidak pernah membaca sebarang surat khabar ataupun majalah kerana dia \_\_\_\_\_.  
A buta hati  
B buta huruf  
C buta kayu  
D buta gaji
  
- 2 Tan Lean Keong tidak mempunyai kakak dan adik. Oleh sebab itu dia dianggap \_\_\_\_\_ .  
A anak buah  
B anak emas  
C anak tunggal  
D anak bongsu
  
- 3 Semasa menaiki pesawat ke Kota Kinabalu, adik tidak henti-henti berbual kerana adik \_\_\_\_\_ .  
A otak cair  
B otak udang  
C mulut murai  
D mulut tempayan
  
- 4 Kunding mengambil sekeping roti berkrim sebagai \_\_\_\_\_ sebelum pergi ke sekolah.  
A alas perut  
B ikat perut  
C perut busuk  
D perut kosong
  
- 5 Kesemua \_\_\_\_\_ Tuan Haji Azhar dan Puan Hajah Azilah sudah mendirikan rumah tangga.  
A anak tut  
B anak tiri  
C anak bini  
D anak beranak

- 6 Azizi dan anak-anaknya \_\_\_\_\_ kerana sebaik sahaja mereka sampai jamuan mula dihidang.
- A langkah kanan
  - B langkah bendul
  - C langkah seribu
  - D langkah kiri
- 7 Puan Basrah masih \_\_\_\_\_ meneruskan perniagaan suaminya walaupun tidak mendapat sokongan daripada anak-anaknya.
- A geli hati
  - B makan hati
  - C cekal hati
  - D isi hati
- 8 Semua barang itu dijual dengan \_\_\_\_\_ dalam Pameran Jom Heboh.
- A harga diri
  - B harga mati
  - C tanda mata
  - D tanda harga
- 9 Yoke Lan \_\_\_\_\_ sehingga dia tidak menyedari bilik tidurnya telah dicerobohi pencuri.
- A pekak badak
  - B lepas tangan
  - C makan hati
  - D tidur mati
- 10 Pengadil bola sepak antara sekolah saya dengan sekolah jiran dicaci oleh para penonton kerana \_\_\_\_\_ semasa mengadili perlawanan tersebut.
- A banyak mulut
  - B berat sebelah
  - C angkat kaki
  - D lepas tangan

- 11 Keadaan Aliff Imran \_\_\_\_\_ menyebabkan dia tidak mahu menyertai perlumbaan jalan kaki.
- A bagai cicak makan kapur
  - B bagai kumbang putus tali
  - C bagai itik pulang petang
  - \* D bagai balak terendam
- 12 Siti Norhana dan Nurul Amirah \_\_\_\_\_ kerana sering bergaduh walaupun perkara itu kecil.
- A bagai ayam disambar helang
  - B bagai anjing dengan kucing
  - C bagai katak di bawah tempurung
  - D bagai melepaskan batuk di tangga
- 13 Kebanyakan penduduk Kampung Sungai Batu \_\_\_\_\_ kerana mereka mendapat bayaran pampasan yang tinggi daripada pihak kerajaan.
- A bagai bulan jatuh ke riba
  - B bagai kaca jatuh ke batu
  - C bagai duri dalam daging
  - D bagai ayam disambar helang
- 14 Puan Zainab \_\_\_\_\_ kerana lima ahli keluarganya telah maut dalam kemalangan itu.
- A bagai melepas anjing tersepit
  - B bagai dihiris dengan sembilu
  - C bagai ayam disambar helang
  - D bagai kaca jatuh ke batu
- 15 Oii Sik Lee dianggap \_\_\_\_\_ kerana tidak dapat menyesuaikan diri dengan masyarakat setempat.
- A seperti lipas kudung
  - B seperti ayam berak kapur
  - C seperti bulan penuh purnama
  - D seperti kera sumbang

- 16        Setelah kematian ayah dan ibu, kehidupan Azira dan adik-adiknya \_\_\_\_\_ .
- A    bagi mendukung biawak hidup
  - B    bagi ayam mengeram telur
  - C    bagi pahat dengan penukul
  - D    bagi wau putus tali
- 17        Encik Badarudin \_\_\_\_\_ setelah menerima panggilan ugutan dan pesanan ringkas daripada seorang yang tidak dikenali.
- A    bagi mencurah air ke daun keladi
  - B    bagi menghitung bulu kambing
  - C    bagi berumah di tepi pantai
  - D    bagi anjing buruk kepala
- 18        Mak Timah hidup susah dan terbiar kerana tidak dipedulikan oleh anak-anak dan jiran tetangganya \_\_\_\_\_ .
- A    seperti rumput di tepi jalan
  - B    seperti tikus jatuh ke beras
  - C    seperti mendukung biawah hidup
  - D    seperti sudah jatuh ditimpa tangga
- 19        Jalan raya menuju ke Cameron Highlands agak curam dan bengkok-bengkok seperti \_\_\_\_\_ .
- A    bumi dengan langit
  - B    aur ditarik songsang
  - C    pinang dibelah dua
  - D    ular kena palu
- 20        Setelah berjaya menjawat jawatan yang tinggi di bandar, Kumaresan telah melupakan ibu bapanya di kampung seperti \_\_\_\_\_ .
- A    enau dalam belukar
  - B    kacang lupakan kulit
  - C    aur dengan tebing
  - D    dakwat dengan kertas

- 21 Salmi Farhana berasa \_\_\_\_\_ kerana gagal memecahkan rekod dalam acara lompat tinggi.
- A makan hati
  - B iri hati
  - C ada hati
  - D buah hati
- 22 Pada cuti hujung minggu, Encik Zaiman membawa keluarganya \_\_\_\_\_ ke taman bunga.
- A ambil hati
  - B ambil langkah
  - C ambil ringan
  - D ambil angin
- 23 Sarasawaji \_\_\_\_\_ dengan kejayaan rakan karibnya dalam pertandingan bercerita itu.
- A makan hati
  - B jatuh hati
  - C iri hati
  - D ambil hati
- 24 Kejayaan perenang Malik Mydin merentasi Selat Inggeris telah menjadi \_\_\_\_\_ rakyat Malaysia.
- A buah tangan
  - B buah mulut
  - C buah hati
  - D buah pena
- 25 \_\_\_\_\_ Puan Anita apabila mendapat berita bahawa suaminya telah meninggal dunia akibat kemalangan jalan raya.
- A Makan hati
  - B Hancur hati
  - C Besar hati
  - D Jatuh hati

- 26 \_\_\_\_\_ budak itu pucat lesi ketika dijumpai terikat di sebuah rumah kosong.
- A Air muka
  - B Ada hati
  - C Ada harapan
  - D Air tangan
- 27 Perbuatan memberi atau menerima \_\_\_\_\_ ketika menjalankan tugas boleh dikenakan tindakan tatatertib.
- A duit hantaran
  - B duit pecah
  - C duit raya
  - D duit kopi
- 28 Cikgu Patricia Ang tiba-tiba \_\_\_\_\_ apabila beliau mengetahui anak muridnya telah meniru semasa ujian dijalankan.
- A ada angin
  - B atas angin
  - C naik angin
  - D khabar angin
- 29 Emak menjadi \_\_\_\_\_ ketika memilih kain yang beraneka corak dan warna di kedai itu.
- A rambang mata
  - B lupa daratan
  - C serkap jarang
  - D lipas kudung
- 30 Semua murid \_\_\_\_\_ untuk mendengar taklimat Program Hari Kokurikulum yang akan diadakan di Hutan Lipur Ulu Licin, Beruas pada minggu depan.
- A pasang badan
  - B pasang telinga
  - C ambil berat
  - D ambil hati

- 31 Kamaruzaman \_\_\_\_\_ kerana tidak tahu menggunakan komputer riba yang baru dibeli oleh ayahnya.
- A seperti mencurah garam ke laut
  - B seperti kera mendapat bunga
  - C seperti Belanda diberi tanah
  - D seperti hujan jatuh ke pasir
- 32 Badrul Amin memastikan semua anaknya mendapat didikan ilmu agama yang mencukupi kerana baginya \_\_\_\_\_ .
- A tepuk dada tanya selera
  - B segan bertanya sesat jalan
  - \* C harapkan pagar, pagar makan padi
  - D melentur buluh biarlah daripada rebungunya
- 33 Zamir Azril tidak mengamalkan sikap \_\_\_\_\_ ketika mencari rumah rakannya di Kuala Lipis.
- A buang yang keruh ambil yang jernih
  - B segan bertanya sesat jalan
  - C sambil menyelam minum air
  - D bagaimana acuan begitulah kuihnya
- 34 Sungguhpun Erra Fazira dan Umi Aida merupakan pasangan artis yang rapat, namun ada ketikanya mereka tidak sependapat seperti \_\_\_\_\_.
- A rambut sama hitam, hati lain-lain
  - B sambil menyelam minum air
  - C ukur baju di badan sendiri
  - D tepuk dada tanya selera
- 35 Penduduk di Taman Seri Seroja sering melakukan kerja-kerja gotong-royong bagai \_\_\_\_\_ .
- A cincin dengan permata
  - B kucing dengan anjing
  - C aur dengan tebing
  - D isi dengan kuku

- 36 Goh Swei Mooi tidak berputus asa untuk mengulang semula pelajarannya kerana dia yakin \_\_\_\_\_ .
- A lain di mulut lain di hati
  - B tepuk dada tanya selera
  - C indah khabar daripada rupa
  - D belakang parang diasah lagikan tajam
- 37 Encik Tarmizi \_\_\_\_\_ kerana beliau menuruti semua arahan dan perintah yang diberikan oleh ketuanya.
- A seperti lembu dicucuk hidung
  - B seperti anjing menyalak bukit
  - C seperti tikus membaiki labu
  - D seperti murai tercabut ekor
- 38 Semua teguran dan nasihat yang diberikan Cikgu Halim kepada murid-muridnya \_\_\_\_\_ kerana semua nasihatnya tidak mereka endahkan.
- A bagai haruan makan anak
  - B bagai kambing dihalau ke air
  - C bagai mencurah air ke daun keladi
  - D bagai melepaskan batuk di tangga
- 39 Para pekerja binaan itu berasa cemas dan bimbang ketika musim hujan kerana kemalangan boleh berlaku pada bila-bila masa sahaja \_\_\_\_\_ .
- A bagai gergaji dua mata
  - B bagai pahat dengan penukul
  - C bagai kucing kehilangan anak
  - D bagai telur di hujung tanduk
- 40 Subramaniam seperti \_\_\_\_\_ kerana banyak peristiwa yang berlaku di sekolah tidak diketahuinya.
- A katak di bawah tempurung
  - B ayam disambar helang
  - C kera mendapat bunga
  - D murai tercabut ekor



- 41 Penolong Kanan Hal Ehwal Murid terpaksa \_\_\_\_\_ bagi menyelesaikan kes keracunan makanan di kantin sekolah.
- A campur tangan
  - B gila bayang
  - C ambil ringan
  - D bulat hati
- 42 Persembahan Nabil dalam rancangan Raja Lawak sungguh \_\_\_\_\_ para penonton.
- A mengambil berat
  - B mengambil tahu
  - C menarik hati
  - D mencuit hati
- 43 Semua guru tidak sepatutnya \_\_\_\_\_ terhadap anak didiknya semasa berada di dalam bilik darjah.
- A pilih kasih
  - B patah hati
  - C panas hati
  - D perang mulut
- 44 Mohamad Zuhairi merupakan \_\_\_\_\_ pasukan bola baling Daerah Manjung peringkat sekolah rendah.
- A lipas kudung
  - B ayam tambatan
  - C orang tengah
  - D bekas tangan
- 45 Faridatul perlu menguatkan suara apabila bercakap kerana neneknya \_\_\_\_\_ .
- A pasang telinga
  - B telinga kuali
  - C pekak badak
  - D telinga lintah

- 46 Semua mangsa banjir di Batu Pahat \_\_\_\_\_ untuk menyelamatkan harta-benda mereka daripada dihanyutkan air.
- A mencari jalan
  - B membuka jalan
  - C mencari untung
  - D membuka langkah
- 47 Penanam tembakau itu \_\_\_\_\_ di tengah panas untuk mencari rezeki menyara keluarga mereka.
- A curi tulang
  - B tulang belakang
  - C membanting tulang
  - D ringan tulang
- 48 Penduduk Kampung Panchor \_\_\_\_\_ sejak pukul lapan pagi untuk membaiki jambatan yang rosak.
- A ringan tangan
  - B ringan tulang
  - C mandi kerbau
  - D mandi keringat
- 49 Sabariah menarik diri dalam acara pertunjukan fesyen di sekolahnya kerana dirinya yang \_\_\_\_\_ .
- A bidan terjun
  - B bongkok udang
  - C pening lalat
  - D puteri lilin
- 50 Abang saya suka berenang manakala kakak hanya suka bermain di \_\_\_\_\_ kerana dia takutkan ombak.
- A atas pagar
  - B luar pagar
  - C gigi air
  - D bawah angin

- 51 Kehidupan Intan Najwa sungguh bahagia walaupun dia anak angkat kerana ibu bapanya menjaganya \_\_\_\_\_
- A bagai menatang minyak yang penuh
  - B bagai kucing kehilangan anak
  - C bagai kacang lupakan kulit
  - D bagai aur dengan tebing
- 52 Perbuatan Imran menceritakan keburukan keluarganya itu \_\_\_\_\_ kepada jiran tetangganya.
- A seperti hujan jatuh ke pasir
  - B seperti menanam tebu di bibir
  - C seperti membuka pekung di dada
  - D seperti musuh dalam selimut
- 53 Segala janji manis wakil insurans itu \_\_\_\_\_ kerana setelah mendapat pelanggan, beliau tidak lagi datang memberi perkhidmatan.
- A bagai mencurah air ke daun keladi
  - B bagai menyusur kera di hutan
  - C bagai anjing menyalak bukit
  - D bagai menanam tebu di bibir
- 54 Zulfa dan Hasnah tercengang-cengang apabila tiba di Bandaraya Kaherah \_\_\_\_\_ .
- A seperti rusa masuk kampung
  - B seperti kerbau dicucuk hidung
  - C seperti kera mendapat bunga
  - D seperti si buta kehilangan tongkat
- 55 Walaupun Badrul dan Badrin merupakan pasangan kembar, namun watak mereka jauh berbeza \_\_\_\_\_ .
- A seperti tikus jatuh ke beras
  - B seperti langit dengan bumi
  - C seperti punggung rindukan bulan
  - D seperti mentimun dengan durian

- 56 Balasenan seperti \_\_\_\_\_ kerana telah berjaya menjadi pemenang dalam peraduan menulis cerpen sempena Hari Kebangsaan yang lalu.
- A katak disimbah air
  - B gagal pulang ke benua
  - C melukut di tepi gantang
  - D harimau menyembunyikan kukunya
- 57 Pasangan Dato Khalid dan Datin Siti Norhasliza sememang sepadan jika disatukan laksana \_\_\_\_\_ .
- A lembu kasi
  - B batik lasam
  - C kunyit dengan kapur
  - D garam dengan asam
- 58 Pelakon Maya Karin bagi \_\_\_\_\_ apabila dianugerahkan Pelakon Wanita Terbaik tahun 2007.
- A melepas anjing tersepit
  - B bulan penuh purnama
  - C haruan makan anak
  - D itik pulang petang
- 59 Abang Safuan \_\_\_\_\_ kerana kamera yang cuba dibaikinya sudah tidak boleh digunakan lagi.
- A bagai si kudung mendapat cincin
  - B bagai anjing dengan kucing
  - C bagai tikus membaiki labu
  - D bagai kumbang putus tali
- 60 Kehidupan Sazniwati \_\_\_\_\_ semenjak tinggal bersama keluarga angkatnya yang kaya tetapi tidak membenarkannya keluar seorang diri.
- A umpama burung di dalam sangkar, mata terlepas, badan terkurung
  - B umpama buah kepayang, dimakan mabuk dibuang sayang
  - C umpama ayam menetas anak itik, anaknya ke air juga
  - D umpama bunga mekar dipakai, layu dibuang

Jawapan

- |       |       |       |
|-------|-------|-------|
| 1. B  | 21. A | 41. A |
| 2. C  | 22. D | 42. D |
| 3. C  | 23. C | 43. A |
| 4. A  | 24. B | 44. B |
| 5. B  | 25. B | 45. C |
| 6. A  | 26. A | 46. A |
| 7. C  | 27. D | 47. C |
| 8. B  | 28. C | 48. D |
| 9. D  | 29. A | 49. B |
| 10. B | 30. B | 50. C |
| 11. D | 31. B | 51. A |
| 12. B | 32. D | 52. C |
| 13. B | 33. B | 53. D |
| 14. C | 34. A | 54. A |
| 15. D | 35. C | 55. B |
| 16. D | 36. D | 56. A |
| 17. C | 37. A | 57. D |
| 18. A | 38. C | 58. B |
| 19. D | 39. D | 59. C |
| 20. B | 40. A | 60. A |

